

## GARIS PANDUAN PENAMAAN DAN KEDUDUKAN ANAK TAK SAH TARAF DARI SEGI SYARAK

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI Kali Ke-44  
25 Jun 1998

### TUJUAN

Garis Panduan Penamaan Dan Kedudukan Anak Tak Sah Taraf Dari Segi Syarak ini disediakan untuk dijadikan sebagai asas rujukan bagi pihak berkaitan menentukan kesesuaian penamaan “*anak-anak tak sah taraf*” menurut ajaran Islam. Selain daripada itu, ia juga bertujuan memberi kefahaman dan penjelasan kepada semua pihak mengenai aspek-aspek pergaulan serta implikasi sosial anak tak sah taraf di dalam keluarga dan masyarakat.

### TAFSIRAN “ANAK TAK SAH TARAF”

“**Anak tak sah taraf** ialah:

1. Anak yang dilahirkan di luar nikah sama ada akibat zina atau rogol dan dia bukan daripada persetubuhan syubhah atau bukan daripada anak perhambaan.
2. Anak dilahirkan kurang dari 6 bulan 2 lahzah (saat) mengikut Takwim Qamariah daripada tarikh *tamkin (setubuh)*.
3. **Anak tak sah taraf** tidak boleh dinasabkan kepada lelaki yang menyebabkan kelahirannya atau kepada sesiapa yang mengaku menjadi bapa kepada anak tersebut. Oleh itu mereka tidak boleh pusaka mempusakai, tidak menjadi mahram dan tidak boleh menjadi wali.”

### PENAMAAN

1. Jika seseorang perempuan Melayu Islam bersekedudukan tanpa nikah, samada dengan lelaki Islam atau lelaki bukan Islam dan melahirkan anak, maka anak itu hendaklah dibin atau dibintikan Abdullah atau lain-

lain nama “*Asma Al-Husna*” berpangkalkan Abdul.

2. Seseorang **anak tak sah taraf** atau anak luar nikah tidak wajar dibin atau dibintikian kepada ibu anak tersebut kerana ini mungkin boleh menimbulkan masalah sosial dan kesan saikologi kepada kanak-kanak itu. Oleh yang demikian anak tersebut dibin atau dibintikian kepada Abdullah atau lain-lain nama “*Asma Al-Husna*” berpangkalkan Abdul.
3. Seseorang anak yang dijumpai terbiar atau anak pungut yang tidak diketahui asal usulnya hendaklah dibin atau dibintikian Abdullah dan jika nama Abdullah bersamaan dengan orang yang memelihara anak itu, maka bolehlah dipilih nama “*Asma Al-Husna*” lain yang berpangkalkan Abdul seperti Abdul Rahman dan Abdul Rahim. (lampiran ‘A’)

## KEDUDUKAN DARI SEGI HUKUM SYARAK

Kedudukan seseorang **anak tak sah taraf** daripada segi hukum syarak adalah seperti berikut:

### 1. Nasab (keturunan)

Daripada sudut hubungan nasab keturunan, **anak tak sah taraf** tidak harus dibinti atau dibinkan kepada lelaki yang menyetubuhi ibunya. Dia hendaklah dibinkan kepada salah satu nama “*Asma Al-Husna*” atau sifat Allah.

### 2. Pergaulan

Daripada sudut Islam; **anak tak sah taraf** tidak boleh dihalang daripada menjalin apa-apa hubungan atau menjalankan apa-apa aktiviti yang boleh dijalankan atau dijalankan oleh seseorang kanak-kanak islam yang setarafnya.

Pergaulan **anak tak sah taraf** dengan lelaki yang melakukan persetubuhan tanpa akad nikah dengan ibunya, walaupun lelaki itu adalah bapanya sebenar, hendaklah berdasarkan pergaulan antara anak tiri dan bapa tirinya.

Jika **anak tak sah taraf** itu ialah seorang anak perempuan maka wudhu' nya dan wudhu suami ibunya, samada si suami itu adalah bapanya yang tidak sah ataupun lelaki lain, akan terbatal apabila mereka bersentuhan kerana pada pandangan syarak suami ibunya itu adalah bapa tirinya.

Perhubungan antara **anak tak sah taraf** dan anak-anak sebelah ibunya yang sah taraf dan ahli keluarga sebelah ibunya yang lain adalah hubungan kekeluargaan yang sah, tetapi perhubungan ini tidak boleh diperluaskan kepada keluarga sebelah bapanya yang tidak sah itu.

### 3. Nafkah

Segala nafkah dan saraan hidup **anak tak sah taraf** adalah menjadi tanggungjawab ke atas ibunya. Ini adalah kerana **anak tak sah taraf** dinasabkan kepada ibunya dan tidak kepada lelaki yang menyetubuhinya.

### 4. Pusaka

**Anak tak sah taraf** tidak terputus hubungan keturunan dengan ibunya. Oleh itu kedua-duanya boleh mewarisi pusaka antara satu sama lain. Jika ibu meninggal dunia, maka dia berhak mewarisi pusaka ibunya bersama-sama ahli waris yang lain. Begitu juga sekiranya anak tak sah taraf itu meninggal dunia terlebih dahulu, ibunya berhak mewarisi pusakanya. Seseorang **anak tak sah taraf** adalah terputus hubungan daripada segi pusaka dengan bapanya tak sah taraf dan dia tidak menjadi ahli waris dan tidak berhak mewarisi pusaka bapanya dan sebaliknya.

### 5. Perwalian

Hak perwalian diri **anak tak sah taraf** sebenarnya terletak kepada ibunya. Walau bagaimanapun, perwalian perkahwinan seseorang **anak tak sah taraf** dipegang oleh wakil hakim. Ini adalah kerana seseorang perempuan itu tidak sah menjadi wali di dalam apa jua perkahwinan.

Lelaki yang menyetubuhinya tanpa akad nikah sah, samada dia berkahwin atau tidak dengan ibunya selepas itu, tidak sah menjadi walinya.

## **6. Perkahwinan**

Seseorang **anak tak sah taraf** perempuan boleh berkahwin dengan seseorang lelaki dengan sah.

## **7. Penjagaan**

Penjagaan **anak tak sah taraf** adalah dipertanggungjawabkan semata-mata pada ibu dan saudara mara sebelah ibu.

## **8. Kematian**

Kematian seorang **anak tak sah taraf** yang belum baligh adalah menurut hukum ibunya. Jika ibunya beragama Islam maka dia dihukum sebagai seorang Islam. Dengan demikian mayatnya hendaklah diurus secara pengurusan jenazah Islam.

Jika ibunya bukan seorang beragama Islam maka dia dihukum sebagai bukan seorang beragama Islam sekalipun lelaki yang menyentubuhinya itu seorang Islam.

## **9. Amal Kebajikan**

Jika semasa hayatnya **anak tak sah taraf** telah melakukan amal kebajikan samada untuk diri sendiri atau untuk masyarakat, maka segala manfaatnya dari segi pahala dan lain-lain akan kembali kepada dirinya juga.

Jika seseorang anak yang dipungut tidak dapat ditentukan keturunan iaitu samada Islam atau bukan Islam maka adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan membeksarkannya menerusi rumah kebajikan dan mendidiknya menurut agama Islam.

## **HAK SAMARATA**

Seseorang **anak tak sah taraf** adalah insan biasa. Dia hendaklah diberi perlindungan dan juga nafkah sama seperti anak-anak lain dari sudut agama

---

dan undang-undang. Dia juga berhak mendapat perlindungan sepenuhnya daripada ibunya, keluarga ibunya dan juga kerajaan.

## **PENUTUP**

Sebarang keraguan dan ketidak jelasan dalam mentafsir dan mengaplikasikan perkara-perkara didalam garis panduan ini hendaklah dirujuk kepada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. Sekiranya perkara-perkara tersebut memerlukan pendapat dari segi Hukum Syarak, ia akan dirujuk kepada Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia.

## LAMPIRAN ‘A’

1	Abdul ‘Alim	-	Hamba Allah yang Mengetahui
2	Abdul ‘Azim	-	Hamba Allah yang Agung
3	Abdul ‘Aziz	-	Hamba Allah yang Mulia
4	Abdul Bari	-	Hamba Allah yang banyak Kebaikan
5	Abdul Basit	-	Hamba Allah yang Melimpah Nikmat
6	Abdul Baqi’	-	Hamba Allah yang Kekal
7	Abdul Jabbar	-	Hamba Allah yang Tegas
8	Abdul Jalil	-	Hamba Allah yang Mulia
9	Abdul Jawad	-	Hamba Allah yang Pemurah
10	Abdul Fattah	-	Hamba Allah yang Membuka
11	Abdul Qaffur	-	Hamba Allah yang Mengampun
12	Abdul Qani	-	Hamba Allah yang Kaya
13	Abdul Hadi	-	Hamba Allah yang Memimpin
14	Abdul Hafiz	-	Hamba Allah yang Memelihara
15	Abdul Hayy	-	Hamba Allah yang Hidup
16	Abdul Haq	-	Hamba Allah yang Sebenar
17	Abdul Hakam	-	Hamba Allah yang Menghukum
18	Abdul Hakim	-	Hamba Allah yang Bijaksana
19	Abdul Halim	-	Hamba Allah yang Lemah Lembut
20	Abdul Hamid	-	Hamba Allah yang Terpuji
21	Abdul Hannan	-	Hamba Allah yang Penyayang
22	Abdul Karim	-	Hamba Allah yang Pemurah
23	Abdul Khaliq	-	Hamba Allah yang Mencipta
24	Abdullah	-	Hamba Allah
25	Abdul Majid	-	Hamba Allah yang Mulia
26	Abdul Latif	-	Hamba Allah yang Lemah Lembut

## LAMPIRAN ‘A’

27	Abdul Manan	-	Hamba Allah yang Memberi Nikmat
28	Abdul Muhammin	-	Hamba Allah yang Berkuasa
29	Abdul Mukmin	-	Hamba Allah yang Beriman
30	Abdul Mutallib	-	Nama Datuk Nabi
31	Abdul Nasir	-	Hamba Allah yang Menolong
32	Abdul Qadir	-	Hamba Allah yang Berkuasa
33	Abdul Qahhar	-	Hamba Allah yang Perkasa
34	Abdul Qayyum	-	Hamba Allah yang Berkuasa
35	Abdul Rauf	-	Hamba Allah yang Pengasih
36	Abdul Rahman	-	Hamba Allah yang Pengasih
37	Abdul Rahim	-	Hamba Allah yang Penyanyang
38	Abdul Rashid	-	Hamba Allah yang Bijaksana
39	Abdul Razzak	-	Hamba Allah yang Memberi Rezeki
40	Abdul Sattar	-	Hamba Allah yang Menutup Kesalahan
41	Abdul Syukur	-	Hamba Allah yang Bersyukur
42	Abdul Samad	-	Hamba Allah yang Menjadi tumpuan
43	Abdul Wafi	-	Hamba Allah yang Setia
44	Abdul Warith	-	Hamba Allah yang Mewarisi
45	Abdul Wahid	-	Hamba Allah yang Tunggal